

104 年專門職業及技術人員普通考試導遊人員、領隊人員考試試題

代號：4413
頁次：6-1

等 別：普通考試
類 科：外語導遊人員（馬來語）
科 目：外國語（馬來語）
考試時間：1 小時 20 分

座號：_____

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當的答案，複選作答者，該題不予計分。
(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。
(三)禁止使用電子計算器。

- 1 Abang _____ seorang guru yang sedang mengajar Bahasa Melayu _____ sekolah menengah.
(A)beliau...sejak (B)kamu...pada (C)dia...daripada (D)saya...di
- 2 Hobi _____ adalah melancong. Negara yang _____ saya melancong adalah seperti Taiwan, Jepun dan Indonesia.
(A)kamu...hingga (B)saya...pernah (C)dia...dalam (D)engkau...sambil
- 3 “Taiwan adalah tempat yang harus kamu kunjungi,” ujar Menteri Pelancongan Taiwan _____ para wartawan.
(A)kepada (B)pada (C)di (D)untuk
- 4 Saya berasa sangat letih _____ saya bekerja _____ pagi _____ malam.
(A)kerana...di...tiba (B)sampai...di...kepada
(C)kerana...dari...sampai (D)sambil...harus...terlalu
- 5 Saya seorang siswa yang belajar _____ universiti.
(A)dari (B)kepada (C)pada (D)di
- 6 Semua penumpang dilarang _____ di dalam kapal terbang.
(A)membaca buku (B)merokok (C)tidur (D)menyanyi
- 7 “_____ ada keperluan, sila beritahu saya bila-bila masa saja,” kata pemandu pelancong kepada semua pelancong.
(A)Kalau (B)Tidak (C)Sehingga (D)Bukan
- 8 “Susanti lebih cantik _____ teman-temannya,” kata Ahmad _____ ibunya.
(A)dari...kepada (B)sekali...tapi (C)kepada...dari (D)daripada...kepada
- 9 _____ perjalanan ke Eropah, _____ singgah di Abu Dhabi.
(A)Semua...kamu (B)Kalau...kami (C)Dalam...kita (D)Pada...mereka
- 10 _____ kami menetap di hotel, kami pergi _____.
(A)Setelah...makan (B)Sebelum...pulang (C)Kalau...kedai (D)Selalu...mandi
- 11 Ayah saya membaca surat khabar _____ pagi.
(A)setiap (B)sampai (C)sudah (D)selalu
- 12 _____ saya menetap di Taiwan, saya pernah bekerja di Malaysia.
(A)Setelah (B)Sebelum (C)Selepas (D)Sementara
- 13 Abang saya seorang guru, _____ isterinya seorang peguam.
(A)sudah (B)kalau (C)walaupun (D)manakala
- 14 Pemandu pelancong harus sampai di lapangan terbang _____ rombongan pelancongan tiba.
(A)tak kira (B)sebelum (C)selepas (D)mahu tidak mahu
- 15 Saya _____ seorang siswa yang belajar di universiti, _____ saya harus mendapat permit untuk bekerja di Taiwan.
(A)masih belum...jangan-jangan (B)belum...kalau begitu
(C)masih...oleh kerana itu (D)bukan...selepas itu
- 16 Saya mahu menjadi pemandu pelancong di Taiwan, _____ saya harus mengambil ujian ini.
(A)kerana (B)oleh itu (C)tetapi (D)kalau

- 17 _____ kamu _____ saya, kita orang Malaysia yang suka melancong ke tempat-tempat yang indah.
(A) Bukan...tapi (B) Walau...pun (C) Baik...mahupun (D) Tidak...kalau
- 18 Biasanya nombor telefon bimbit di Taiwan bermula dengan dua digit ini, iaitu _____.
(A) dua dua (B) tujuh satu (C) sembilan kosong (D) kosong sembilan
- 19 Sempena Hari Raya di Taiwan, pelancong haruslah membeli tiket bas atau kereta api _____ kerana banyak orang balik kampung pada waktu tersebut juga.
(A) dengan banyak (B) yang mahal (C) bila-bila saja (D) terlebih dahulu
- 20 Kalau pelancong sudah menempah bilik tidur di hotel, adalah dinasihati supaya jangan membatalkannya _____.
(A) dengan sedih (B) sesuka hati (C) seduka hati (D) dengan gembira
- 21 “Kiblat” itu bererti _____.
(A) waktu untuk bersembayang (B) wanita yang tidak berhijab
(C) daging yang tidak halal (D) arah yang menuju ke Kakbah di Mekah
- 22 Tempat makan yang halal adalah sesuatu yang _____ bagi pelancong yang beragama Islam.
(A) tidak semestinya (B) wajib (C) suka hati (D) tidak perlu
- 23 Puan Susanti: Selamat jalan dan jumpa lagi.
Encik Tan: _____
(A) Tidak apa-apa, saya baik juga. (B) Sama dengan anda, saya kesal sekali.
(C) Selamat tinggal dan jaga diri sendiri. (D) Selamat datang ke rumah saya.
- 24 Bangunan yang _____ di Taiwan adalah Menara Taipei 101 yang _____ di pusat Bandar Taipei.
(A) tertinggal...berada (B) tercantik...terjadi (C) terpanjang...terletak (D) tertinggi...terletak
- 25 “Saya membawa baju renang kerana saya mahu pergi ke _____,” kata Susi kepada ibunya.
(A) pandai (B) pantai (C) pantang (D) pandu
- 26 Penerbangan ke Taipei hari ini sudah _____ akibat ribut taufan yang kencang.
(A) disudahkan (B) dibatalkan (C) dihampiri (D) disampaikan
- 27 Rusli: _____
Siti: “Ya, halo saya di sini.”
(A) “Halo! Boleh cakap dengan Siti?” (B) “Halo! Siapa ini?”
(C) “Halo! Apa khabar?” (D) “Halo! Saya Rusli. Kamu siapa?”
- 28 Dewi ingin mengetahui cara membuat kebaya. Dia harus tanya: _____
(A) Adakah kebaya ini milikmu? (B) Bagaimana cara membuat kebaya ini?
(C) Di mana kebaya itu dijahit? (D) Siapa yang ingin kebaya ini?
- 29 “Siti dan Erwin bersaudara. Mereka berdua sama-sama cantik dan pintar.”
Hubungan Siti dan Erwin adalah _____.
(A) teman sekerja (B) kekasih (C) teman baik (D) adik-beradik
- 30 Di rumah nenek banyak ditemui barang-barang **kuno**.
Erti berlawanan bagi **kuno** adalah _____.
(A) cepat (B) moden (C) cantik (D) rapat
- 31 Bangunan di seberang jalan itu dibangun kira-kira **satu abad** yang lalu.
Erti bagi **satu abad** adalah _____.
(A) 1000 tahun (B) 100 tahun (C) 10 tahun (D) 8 tahun
- 32 Biasanya perkhitmatan MRT di Taipei akan tamat pada jam _____.
(A) enam pagi (B) dua belas tengah hari
(C) dua belas tengah malam (D) sembilan malam

- 33 Berikut adalah bencana alam yang seringkali berlaku di Taiwan, terutamanya pada musim panas adalah _____.
- (A) letupan gunung berapi (B) ribut salji
(C) ribut taufan (D) angin monsun
- 34 Lokasi Keelung terletak di bahagian _____ Taiwan.
- (A) selatan (B) timur (C) barat (D) utara
- 35 Keelung, Hsinchu dan Yilan di Taiwan berdekatan dengan laut, oleh itu kamu dapat menikmati makanan laut yang _____ di sana.
- (A) banyak dan berbau (B) sedap dan busuk (C) mahal dan bahaya (D) segar dan murah
- 36 Hobi ibu saya adalah menanam bunga dan memasak. Besok hari jadinya, hadiah yang mana lebih sesuai untuknya?
- (A) rambut panjang (B) baju merah (C) pokok mawar (D) seluar putih
- 37 “_____ akan pergi ke Taipei minggu depan,” beritahu Qiu Ping dan Qiao Ting kepada Yi Zhen.
- (A) Saya (B) Dia (C) Kita (D) Kami
- 38 Pei Lee pernah belajar bahasa Melayu selama dua tahun _____ Universiti Malaya.
- (A) ke (B) di (C) dengan (D) akan
- 39 Chee Hong sanggup mengorbankan masa cutinya _____ menyediakan projek yang diarahkan oleh pengarahnya.
- (A) tentang (B) hingga (C) demi (D) oleh
- 40 Tiap-tiap petang kakak ipar mengemas rumah _____ ruang tamu hingga ke dapur.
- (A) dari (B) daripada (C) akan (D) kepada
- 41 Persefahaman _____ kaum adalah penting bagi mewujudkan suasana muhibah.
- (A) tetapi (B) dan (C) antara (D) tetapi
- 42 Siew Ling makan buah jambu batu _____ makan nasi.
- (A) selain (B) sementara (C) manakala (D) selepas
- 43 Se _____ pelancong telah membeli tiga _____ manggis dari gerai buah-buahan itu.
- (A) pasukan...helai (B) orang...longgok (C) orang...utas (D) pasukan...tangkai
- 44 Zhong Hua membalut luka orang tua itu dengan menggunakan se _____ kain sebelum menghantarnya ke hospital dengan menaiki se _____ kereta.
- (A) helai...batang (B) utas...bentuk (C) biji...laras (D) carik...buah
- 45 Su Ting membeli se _____ kalung mutiara dan se _____ rantai emas untuk ibunya.
- (A) untai...utas (B) biji...untai (C) bentuk...tangkai (D) tangkai...bentuk
- 46 Entah _____ yang tersimpannya di dalam kotak besar itu?
- (A) bila-bila (B) mana-mana (C) siapa-siapa (D) apa-apa
- 47 Persembahan silap mata itu mendapat sambutan _____ daripada orang ramai.
- (A) rendah (B) hangat (C) panas (D) lebih
- 48 Setelah berlari 12 kilometer, para olahraga meminta agar jurulatih membenarkan mereka berehat kerana _____.
- (A) kelesuan (B) kesejukan (C) keletihan (D) kepanasan
- 49 Kai Jie telah berjaya menempa kejayaan yang _____ dalam bidang seni yang diceburinya.
- (A) sombong (B) malang (C) rendah (D) gemilang
- 50 Yee Shan _____ motosikal ayahnya setiap pagi untuk pergi ke kilang.
- (A) menunggang (B) memandu (C) membeli (D) membawa
- 51 Tindakan yang sewajarnya perlu diambil terhadap peniaga yang _____ harga barangan dengan sesuka hati tanpa mendapat kelulusan kerajaan.
- (A) menurunkan (B) menambahkan (C) menaikkan (D) merendahkan

- 52 Kerajaan perlu _____ usaha penyelidikan untuk mencari sumber alternatif kepada keperluan petrol seperti minyak kelapa sawit.
(A)menggiatkan (B)menguruskan (C)mengorbankan (D)menyelaraskan
- 53 Persatuan Belia mensasarkan 2000 orang _____ untuk membantu mangsa-mangsa banjir.
(A)bangsawan (B)sukarelawan (C)wartawan (D)angkasawan
- 54 Penduduk Kampung Bahagia bekerjasama _____ sungai di kampung mereka untuk mengelakkan banjir.
(A)mendalam (B)mendalami (C)mendalamkan (D)kedalaman
- 55 Pengetua mengucapkan _____ tahniah kepada para pelajar yang mendapat keputusan cemerlang.
(A)tinggi (B)meninggikan (C)ditinggikan (D)setinggi-tinggi
- 56 Xiao Ting suka makan _____ ikan yang dibuat oleh ibunya.
(A)bebola (B)jejari (C)kekabu (D)dedaun
- 57 Puan Mei Shan memasak _____ yang enak untuk _____ yang datang dari Taiwan.
(A)anai-anai...saudara-mara (B)kuih-muih...orang-orang
(C)lauk-pauk...saudara-mara (D)anai-anai...orang-orang
- 58 Untuk _____ bapanya, Ming-Cheng membelikannya sebuah kereta.
(A)putih hati (B)ambil hati (C)teguh hati (D)sejuk hati
- 59 Karya seni yang dipaparkan oleh pemuda itu menunjukkan bahawa dia mempunyai _____ yang tinggi.
(A)reka bentuk (B)akal fikiran (C)seni lukis (D)daya cipta
- 60 Hasan tetap tersenyum walaupun dia _____ terpilih menyertai pertandingan itu.
(A)tidak (B)bukan (C)ialah (D)adalah
- 61 Kami sekeluarga akan _____ ke Pulau Langkawi pada hujung minggu ini.
(A)kepala angin (B)makan angin (C)ada angin (D)atas angin
- 62 “Segala budi baik Makcik sekeluarga akan terus **bersemadi** di sanubari saya,” kata Ali.
Erti bagi **bersemadi** adalah _____.
(A)kekal (B)mekar (C)takut (D)segan
- 63 Orang yang **berada** itu selalu berderma kepada rumah orang tua.
Erti berlawanan bagi **berada** adalah _____.
(A)miskin (B)kaya (C)jujur (D)mulia
- 64 Ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** adalah betul **kecuali**
I Datuk berasa selesa apabila duduk di kerusi yang *enak* ini.
II Mi kari yang dimasak oleh Suhaila sangat *enak* rasanya.
III Badan Chien Tong berasa tidak *enak* kerana diserang demam.
IV Song Huat memerhatikan muka York Cai dengan pandangan yang kurang *enak*.
(A)I sahaja (B)II sahaja (C)II dan III sahaja (D)III dan IV sahaja
- 65 Ayah memarahi abang kerana meletakkan pisau di _____ meja.
(A)dalam (B)atas (C)kiri (D)kanan
- 66 Berikut adalah etika pemandu pelancong **kecuali**
(A)Mengutamakan keuntungan semasa menjalankan tugas.
(B)Tidak boleh meninggalkan pelancong pada bila-bila masa semasa menjalankan tugas.
(C)Sentiasa mempunyai nilai perhubungan awam yang baik dan bekerjasama.
(D)Sentiasa meningkat dan membekalkan diri dengan maklumat dan kemahiran terkini.
- 67 Berikut adalah barangan yang tidak diterima sebagai bagasi bagi setiap penumpang pesawat **kecuali**
(A)Bahan letupan (B)Senjata api dan amunisi
(C)Tuala (D)Tinggalan rangka binatang
- 68 _____ mempersembahkan drama tradisi Cina dengan menggunakan peralatan pentas dan teknik produksi moden.
(A)Persembahan tarian singa (B)Pertunjukkan ukiran kayu
(C)Persembahan gendang (D)Kumpulan Seni dan Kebudayaan Ming Hwa Yuan

- 69 Pada hari kelima, bulan kelima kalendar Cina, rakyat Taiwan merayakan _____.
(A) Tahun Baru Cina (B) Pesta Menuai (C) Festival Bot Naga (D) Pesta Tanglung
- 70 Tarian Sumazau merupakan tarian bagi etnik Kadazan-Dusun di Sabah, bilakah tarian tersebut dipersembahkan?
(A) Meraikan Tahun Baru (B) Merasmikan rumah panjang
(C) Menyambut Pesta Menuai (D) Meyambut kelahiran bayi

“Sungguh gembira saya kali ini, kerana dapat merayakan Tahun Baru bersama keluarga dan teman-teman,” kata Pakcik Ahmad. Dengan sekelip mata saja, setahun pun sudah lalu. Pakcik Ahmad seorang pemandu teksi yang sudah tinggal di Pulau Penghu sepanjang umurnya. Dia dianggap orang yang paling mencintai kampung halamannya kerana dia suka memperkenalkan kampungnya kepada pelancong-pelancong yang datang. Selain menjadi pemandu teksi, kadang-kadang dia juga membawa pelancong yang datang dari luar negara melancong ke tempat-tempat yang menarik. Dia sebagai orang tempatan selalunya menjelaskan sejarah ataupun kisah tempat tersebut kepada mereka yang berminat.

Hari ini adalah hari pertama Tahun Baru, anak-anaknya semuanya pulang dari luar negara untuk bersama-sama menyambut Tahun Baru. Pagi-pagi lagi, isterinya Makcik Tang sudahpun menyiapkan sarapan pagi, kemudian pergi ke pasar untuk membeli sayuran. Anak Pakcik Ahmad yang pulang dari Amerika mendapati sepucuk surat yang penuh dengan tulisan diletakkan di atas meja Pakcik Ahmad. “Anak, bolehkah kamu bacakan surat ini. Tulisannya terlalu buruk dan sukar dibaca.” Kata Pakcik Ahmad. Anaknyanya lalu membacakannya di depan semua ahli keluarganya.

“Tanah anda harus dijual untuk pembangunan pulau ini,” beginilah tulisnya surat rasmi itu dari pihak kerajaan. Pakcik Ahmad terasa pusing dan terkejut apabila dia terdengar berita yang buruk ini. Keadaan ini sudah lama berlaku di kampung mereka, adanya khabar yang mengatakan bahawa kerajaan bekerjasama dengan agensi pembangunan hotel bintang lima. Tanah di sekeliling rumahnya terpaksa dijual kepada agensi pembangunan dengan harga yang murah. Sekaranglah giliran rumah mereka.

“Ayah, saya rasa inilah kenyataan. Keadaan ini sudah tidak dapat diselesaikan. Biarkanlah saja, jualkanlah tanah kepada mereka,” seru anaknya. Pakcik Ahmad tidak lagi berkata apa-apa, hanya air matanya tidak berhenti-henti. Inilah hari pertama Tahun Barunya yang cukup susah hati.

- 71 Pakcik Ahmad berasa senang hati pada mulanya kerana _____.
(A) Tahun Baru sudah datang dan temannya banyak sekali
(B) berpeluang merayakan Tahun Baru bersama keluarga dan teman-teman
(C) keluarga dan teman-temannya sudah pergi melancong
(D) tanahnya akan segera dijual kepada agensi pembangunan
- 72 Orang ramai dari luar negara datang untuk menikmati keindahan Pulau Penghu. Banyak orang tempatan menjelaskan pemandangan dan sejarah tempat tersebut kepada mereka.
Orang ramai dari luar negara disebut _____ dan orang yang memberi penjelasan disebut _____.
(A) mahasiswa...ilmuwan (B) seniman...tukang beca
(C) usahawan...tukang masak (D) pelancong asing...pemandu pelancong
- 73 Setiap pagi Makcik Tang menyediakan sarapan _____ pergi ke pasar untuk membeli sayur.
(A) sambil (B) walau (C) tetapi (D) lalu
- 74 Tulisan yang sukar dibaca adalah seperti _____.
(A) ayam goreng (B) hangat-hangat tahi ayam
(C) cakar ayam (D) kaki ayam
- 75 Adanya peribahasa yang bererti suasana atau keadaan yang tidak sempat diselamatkan atau dipulihkan. Ianya sama erti seperti _____.
(A) Bagai kacang lupakan kulit (B) Bagai pinang dibelah dua
(C) Air dicincang tidak akan putus (D) Nasi sudah menjadi bubur

Banyak negara bergantung kepada industri pelancongan. Industri pelancongan merupakan sumber pendapatan negara dan oleh kerana itu industri ini berpotensi untuk dimajukan, terutamanya di Taiwan. Sektor pelancongan juga perlu dimajukan kerana sektor ini boleh memantapkan ekonomi negara. Banyak tempat menarik yang terdapat di Taiwan boleh dikunjungi oleh pelancong-pelancong asing dan tempatan seperti di Alishan, Danshui, Kaohsiung, Kenting dan sebagainya. Oleh itu pelbagai usaha boleh dilaksanakan untuk memajukan industri pelancongan sama ada oleh pihak kerajaan sendiri mahupun agensi yang berkaitan, contohnya restoran makan dan minum, perusahaan dan pengurusan tempat penginapan, kedai cenderamata khas dan lain-lain.

Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan ialah usaha menambah kemudahan pengangkutan umum ke destinasi-destinasi yang menarik. Kemudahan pengangkutan ini dapat memberi kesempatan yang lebih banyak kepada pelancong untuk pergi ke destinasi yang mereka sukai. Sebagai contohnya, kerajaan Taiwan telah membina kemudahan kereta api mengelilingi seluruh Taiwan, kereta api ekspres dan bas pelancongan yang percuma di dalam pusat bandar.

Sementara itu, kerajaan juga harus mengadakan lebih banyak kegiatan untuk mempromosikan aktiviti pelancongan. Promosi atau pesta tentang destinasi pelancongan yang menarik, kebudayaan dan karnival jualan boleh dilaksanakan dengan lebih giat sama ada di dalam mahupun di luar negara.

- 76 Menurut teks di atas, mengapakah industri pelancongan harus digalakkan dan dilaksanakan di sesebuah negara itu?
- (A) Kerana ada banyak pelancong di negara tersebut yang suka melancong.
 - (B) Kerana industri pelancongan adalah salah satu sumber pendapatan utama bagi negara.
 - (C) Kerana industri pelancongan adalah industri yang paling mudah dilaksanakan.
 - (D) Kerana negara-negara lain juga melaksanakan industri pelancongan mereka.
- 77 Tempat pelancongan yang manakah bukan terletak di Taiwan?
- (A) Alishan
 - (B) Kaohsiung
 - (C) Danshui
 - (D) Lijiang
- 78 Menurut teks di atas, pihak berikut yang bertanggungjawab untuk memajukan industri pelancongan kecuali ____.
- (A) kedai cenderamata khas
 - (B) agensi swasta seperti pengurusan tempat penginapan
 - (C) pihak kerajaan seperti Kementerian Pelancongan
 - (D) pelancong-pelancong asing
- 79 Peranan kerajaan dalam industri pelancongan adalah seperti berikut kecuali ____.
- (A) memajukan pengangkutan umum
 - (B) mengadakan pesta pelancongan
 - (C) mengadakan jualan karnival di dalam negara
 - (D) meningkatkan cukai pelancong
- 80 Anita yang baru melancong di Taiwan mendapati Taiwan adalah tempat yang senang dan mudah dikunjungi. Inilah kerana ____.
- (A) Anita boleh menaiki kereta api dari Taipei ke Taitung
 - (B) Anita boleh berenang di merata tempat
 - (C) banyak bas di destinasi bukan percuma
 - (D) tiket untuk pelancong asing semuanya percuma

測驗式試題標準答案

考試名稱：104年專門職業及技術人員普通考試導遊人員、領隊人員考試

類科名稱：外語導遊人員（馬來語）

科目名稱：外國語（馬來語）（試題代號：4413）

單選題數：80題

單選每題配分：1.25分

複選題數：

複選每題配分：

標準答案：

題號	第1題	第2題	第3題	第4題	第5題	第6題	第7題	第8題	第9題	第10題
答案	D	B	A	C	D	B	A	D	C	A

題號	第11題	第12題	第13題	第14題	第15題	第16題	第17題	第18題	第19題	第20題
答案	A	B	D	B	C	B	C	D	D	B

題號	第21題	第22題	第23題	第24題	第25題	第26題	第27題	第28題	第29題	第30題
答案	D	B	C	D	B	B	A	B	D	B

題號	第31題	第32題	第33題	第34題	第35題	第36題	第37題	第38題	第39題	第40題
答案	B	C	C	D	D	C	D	B	C	A

題號	第41題	第42題	第43題	第44題	第45題	第46題	第47題	第48題	第49題	第50題
答案	C	D	B	D	A	D	B	C	D	A

題號	第51題	第52題	第53題	第54題	第55題	第56題	第57題	第58題	第59題	第60題
答案	C	A	B	C	D	A	C	B	D	A

題號	第61題	第62題	第63題	第64題	第65題	第66題	第67題	第68題	第69題	第70題
答案	B	A	A	A	B	A	C	D	C	C

題號	第71題	第72題	第73題	第74題	第75題	第76題	第77題	第78題	第79題	第80題
答案	B	D	D	C	D	B	D	D	D	A

題號	第81題	第82題	第83題	第84題	第85題	第86題	第87題	第88題	第89題	第90題
答案										

題號	第91題	第92題	第93題	第94題	第95題	第96題	第97題	第98題	第99題	第100題
答案										

備註：